

# Kepengerusian ASEAN potensi perkukuh kerjasama pendidikan



Pensyarah Kanan & Penyelidik Institut Pengajian Sains Sosial, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia

Oleh Dr Ahmad Aizuddin Md Rami  
bhrencana@bh.com.my

**Sebagai** negara pengasas ASEAN, Malaysia memegang peranan penting memperkukuh kerjasama serantau, terutama dalam bidang pendidikan.

Sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia mempunyai peluang besar untuk memperluaskan jaringan kerjasama pendidikan, bukan hanya antara negara anggota ASEAN, tetapi mempertingkatkan mutu pendidikan di Malaysia dan rantau ini.

Pendidikan bukan sahaja menjadi landasan utama dalam pembangunan modal insan, malah berfungsi sebagai penghubung utama mengukuhkan integrasi dan perpaduan dalam kalangan negara serantau.

Tema Keterangkuman dan Kelestarian yang menjadi teras kepada ASEAN 2025 memberikan platform sesuai bagi Malaysia untuk memimpin inisiatif pendidikan memberi manfaat kepada semua pihak, selaras dengan nilai Malaysia MADANI.

Sejak penubuhannya, ASEAN menjadikan pendidikan sebagai teras utama dalam membina masyarakat serantau lebih mampan. Sebagai contoh, inisiatif seperti Jaringan Universiti ASEAN (AUN) membuka peluang kepada pelajar antara negara ASEAN untuk bekerjasama.

Terdapat banyak peluang untuk memperkukuh kerjasama pendidikan serantau dan Malaysia berpotensi memainkan peranan utama memperkasa pendidikan rendah, menengah dan pengajian tinggi melalui galakan pertukaran idea program serta amalan terbaik dalam kurikulum antara negara ASEAN.

Langkah ini boleh dilakukan dengan memperkenalkan pertukaran program dan pakar serta

perkongsian sumber pembelajaran secara berpusat dengan bantuan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI).

Pendekatan ini membabitkan data dari negara ASEAN yang dapat mengoptimumkan sumber dan meningkatkan kecekapan, pada masa sama menjimatkan kos langganan.

Semua langkah ini dapat memperkaya pengalaman pendidikan dan meningkatkan kualiti pendidikan di seluruh negara anggota ASEAN, sekali gus menjadikan pendidikan lebih inklusif dan berdaya saing di rantau ini.

## Pengiktirafan antarabangsa

Pengiktirafan antarabangsa terhadap universiti ASEAN dalam QS World University Rankings 2024, termasuk universiti di Malaysia menunjukkan peningkatan positif dalam kualiti pendidikan tinggi di rantau ini.

Malah, peranan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Pendidikan Malaysia (EM) boleh mengetuai dan memainkan peranan penting membina jaringan dan kerjasama lebih kukuh antara negara ASEAN dan institusi tersohor di dunia.

Laporan *Times Higher Education* menyatakan Malaysia kini menjadi pilihan utama bagi pelajar dari Amerika Syarikat (AS), Arab Saudi, China, India, Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan negara ASEAN.

Hal ini kerana kualiti pendidikan yang tinggi, diiktiraf dunia dan berada dalam ranking QS Ranking terbaik dunia. Begitu juga menurut laporan *Forbes*, universiti di Malaysia semakin maju dengan pendekatan lebih moden, inklusif, membentuk kaedah pembelajaran menarik, sesuai dengan pasaran kerja global.

Dalam beberapa dekad ini, ASEAN turut mencapai kemajuan signifikan dalam kadar literasi, dengan lebih daripada 95 peratus belia di keba-

nyakan negara anggota kini celik huruf.

Laporan seperti *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) dan *Programme for International Student Assessment* (PISA) menunjukkan beberapa negara ASEAN masih perlu memperbaiki prestasi pelajar, khususnya dalam bidang matematik, sains dan literasi bacaan.

Oleh itu, meningkatkan kerjasama pendidikan antara negara ASEAN adalah langkah perlu diambil untuk menutup jurang ini. Pendekatan ini boleh dilakukan melalui perkongsian amalan terbaik, pembangunan profesional bagi pendidik, pelaksanaan program intervensi berkesan serta inovasi dalam penyediaan bahan pembelajaran relevan dan berkualiti.

Selain itu, Malaysia berpotensi memimpin usaha mempertingkatkan Pendidikan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di ASEAN. TVET memainkan peranan sangat penting menyediakan tenaga kerja mahir dan Malaysia mampu menjadi peneraju meningkatkan kualiti TVET di rantau ini.

Dengan melaksanakan program latihan bersama dan pemindahan teknologi antara negara ASEAN, Malaysia boleh membantu meningkatkan daya saing tenaga kerja di seluruh rantau ini, memastikan pendidikan teknikal lebih inklusif dan mampu bersaing di pasaran tenaga kerja global.

Langkah ini akan mempercepatkan pembangunan serantau dan membantu memperkasa kapasiti pendidikan serta penyelidikan di seluruh rantau, mewujudkan peluang lebih inklusif dan mampan untuk generasi akan datang.

Dengan langkah tepat, dunia akan mengenali kualiti pendidikan ASEAN setanding dengan negara Eropah. Oleh itu, peluang sebagai Pengerusi ASEAN 2025 harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh Malaysia untuk memperkukuh pendidikan serantau dan memajukan kerjasama yang memberi impak global.